

TEKS UCAPAN

MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

YB TUAN MOHAMADDIN BIN KETAPI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAH

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA

PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-22

**PERKARANGAN MEMORIAL PENGISYTIHARAN
KEMERDEKAAN**

BANDA HILIR, MELAKA

23 JULAI 2018 (ISNIN)

8.00 MALAM

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera,

Terima Kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

SALUTASI

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana atas limpah dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Negeri Melaka, bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan ke-22 pada malam ini.
2. Sambutan di tempat yang bersejarah ini saya sifatkan juga sebagai penuh bersejarah bagi diri saya yang pertama kalinya dapat bersama dengan warga muzium dari seluruh negara untuk meraikan sambutan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan pada kali ini. Tahniah kepada pihak penganjur khususnya Jabatan Muzium Malaysia, tuan

rumah PERZIM (Perbadanan Muzium Melaka) dan Kerajaan Negeri Melaka.

Hadirin-hadirat sekalian,

3. **Di Malaysia, kita mula meraikan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) ini pada tahun 1997.** Sambutan HMA di negara ini membuktikan komitmen muzium kita untuk terus memperkasakan fungsi dan peranan institusi permuziuman negara setaraf dengan muzium-muzium ternama dunia. Demikian juga, tenaga profesional dalam permuziuman harus dipertingkatkan. Muzium wajar mempersiapkan diri dalam mendepani masa depan yang semakin mencabar demi mengangkat martabat

industri permuziuman kita. **Saya** **mahu**
perkara ini diberi perhatian apatah lagi
MOTAC sendiri mempunyai perancangan
jangka panjang ke arah merencana masa
depan industri permuziuman negara yang
lebih komprehensif dan berdaya saing.

4. Oleh yang demikian, di sebalik melaksanakan '**core business**' nya, saya berharap agar muzium-muzium kita juga dipertingkatkan dari segi kemudahan-kemudahan yang lain untuk melayakkannya menerima pengiktirafan **Malaysia Tourism Quality Assurance** atau **MyTQA** selaras dengan hasrat kementerian untuk meningkatkan kualiti produk pelancongan negara.

Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

5. **Kejayaan Melaka mengungguli Anugerah Pelancongan Malaysia (APM) 2016/2017 baru-baru ini** dengan menerima pelbagai pengiktirafan dalam dan luar Negara amatlah membanggakan.
6. Malah, **Melaka juga diiktiraf MOTAC sebagai destinasi pelancongan paling popular di Malaysia selepas Kuala Lumpur.** Dengan rekod kehadiran pelancong yang sentiasa **meningkat sejak tahun 1999** serta jumlah kehadiran pelancong paling tinggi yang mencecah **16.79 juta pelancong pada tahun lepas (2017)**, iaitu peningkatan **seramai 512,387 orang atau 3.15 peratus**

berbanding tahun sebelumnya (2016), saya amat yakin Melaka pada tahun ini **(2018)** mampu mencapai **sasaran kehadiran 17 juta orang pelancong** dengan mudah.

7. Sementara itu di peringkat nasional pada tahun ini **(2018)** pula kita letakkan sasaran kehadiran **33.1 juta orang pelancong asing.** Dan, **sehingga April 2018** kita telah menerima kehadiran kira-kira **8.47 juta pelancong asing.** Saya amat berharap agar sasaran ini dapat dicapai. Demikian juga saya meletakkan harapan yang tinggi agar Malaysia dapat memperbaiki kedudukannya untuk berada pada **kedudukan 10 terbaik dunia sebagai destinasi utama pilihan pelancong**

berbanding kedudukan ke-12 yang dicatatkan pada tahun lepas (2017).

8. Saya difahamkan bahawa idea asas pengajuran HMA oleh ICOM adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang peranan muzium dalam masyarakat. Justeru saranan saya untuk semua warga muzium yang berada di sini, jadikanlah sambutan HMA Peringkat Kebangsaan yang diraikan setiap tahun ini sebagai satu strategi untuk mendampingi pelbagai lapisan masyarakat dan memberi peluang kepada mereka untuk mengenali muzium secara lebih dekat.

9. Sesuai dengan tema sambutan HMA pada tahun ini “**Jaringan Muzium: Pendekatan Baru, Sasaran Baru**” (“**Hyperconnected Museums: New Approaches, New Publics**”), saya menyeru kepada anda semua warga muzium, carilah pendekatan baru, sasaran baru yang boleh meletakkan muzium kita lebih gah di persada antarabangsa.

10. Saranan saya, persiapkanlah muzium-muzium kita dengan mencipta dan mempelbagaikan kaedah dalam menterjemah dan mempersembah koleksi yang ada. Ini satu kaedah terbaik untuk menarik pengunjung dari pelbagai peringkat usia dan latar belakang datang ke muzium-muzium kita.

11. Akhir kata, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam **penganjuran HMA Peringkat Kebangsaan Tahun 2018** ini. Mudah-mudahan penganjuran temasya HMA Peringkat Kebangsaan kali ini akan menambahkan lagi kemeriahinan Bandaraya Bersejarah ini menerusi pelbagai aktiviti menarik yang telah disediakan di sepanjang tempoh sambutan.

**Meredah Sasa Bumi Dibuka,
Amalan Dayang Penggerak Hiasan,
Indah Sentosa Bumi Melaka,
Tinggalan Moyang Tonggak Warisan.**

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacita, merasmikan **Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2018, Peringkat Kebangsaan kali ke-22.**

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahiwabaraktuH.

Terima kasih.